

12/04/2001

Album Opera Ayu Cendana dipasarkan

Salbiah Ani

SANGGAR Teater Fauziah Nawi (STFN) boleh berbangga dengan kejayaan mereka dalam usaha memartabatkan teater Melayu di Malaysia kerana album Opera Ayu Cendana, kini sudah berada di pasaran.

Album Opera Ayu Cendana memuatkan 12 lagu yang mengiringi teater dengan judul serupa, akan dipasarkan secara jualan langsung melalui Kedutaan Malaysia di luar negara dan pasaran dalam negara.

Pengarah STFN, Fauziah Nawi, mungkin paling gembira pada 13 April ini kerana album Opera Ayu Cendana akan dilancarkan pada tarikh berkenaan di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), mulai jam 8.20 malam.

Lagu tema teater ini berjudul Ayu Cendana dan 11 lagi lagu yang dimuatkan ialah Inderaloka, Indahnya, Juitaku, Jalan Seiring, Atas Nama Cinta, Bawa Diri, Duhai Kasih, Harapan Musnah, Tiada Kusangka, Hujan dan Oh Sayang.

Khalayak yang pernah menyaksikan pementasan Opera Ayu Cendana pasti sudah mendengar sekurang-kurangnya 10 lagu ciptaan Iryanda Mulia Irwandi yang pernah mengiringi pementasan teater berkenaan sebelum ini.

Sebelum ini, Opera Ayu Cendana sudah dipentaskan di Ipoh (1999), Kuala Lumpur (September 2000), Pulau Pinang (November 2000) dan Melaka (Januari 2001) manakala penulisan skripnya sudah bermula dari 1996 lagi.

Semua lagu yang mengiringi persembahan teater muzikal ini dipersembahkan secara langsung pada setiap pementasan dalam usaha STFN melatih anggota keluarganya untuk muncul sebagai bintang serba boleh.

"Anggota keluarga Opera Ayu Cendana sebenarnya sudah bersama STFN sejak tiga tahun lalu, ketika kami mula mementaskan Dari Bintang Ke Bintang yang saya tulis berasaskan karya Sasterawan Negara (SN), Datuk Usman Awang.

"Sesetengah anggota keluarga STFN yang dulunya tidak pernah berlakon kini sudah mampu beraksi di pentas. Anggota keluarga yang tidak pernah menyanyi dan menari pula, sudah tidak canggung lagi untuk berbuat demikian," jelas Fauziah.

Sempena majlis pelancaran album Opera Ayu Cendana, akan berlangsung pratonton teater berkenaan yang berkemungkinan akan dipentaskan di Kucing, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah, pada April ini juga.

Pementasan Opera Ayu Cendana di Universiti Sains Malaysia (USM) mencatat sejarah dalam persembahan teater muzikal itu kerana khalayak melimpah ruah dari dewan persembahan dan sesetengah khalayaknya menonton lebih daripada sekali.

Sastera dan Budaya diberitahu, Opera Ayu Cendana dicetuskan dari perutusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno 1996 yang berbunyi: "Jika bangsa Melayu hendak menjadi bangsa yang besar bukan bererti harus mengorbankan nilai kebudayaan tradisional yang positif."

Bermula dari kata hikmat itu, Fauziah menulis dan mengolah Opera Ayu Cendana, berulang kali dalam usahanya memastikan skrip berkenaan sesuai untuk semua golongan masyarakat negara ini.

Opera Ayu Cendana secara tersirat membincangkan masalah jati diri, kebudayaan dan ketuanan Melayu dalam konteks Malaysia hari ini dan orang Melayu mendapat pengajaran supaya tidak meninggalkan kebudayaan yang membawa nilai positif.

Apa juga pembaharuan dan perubahan yang hendak dilakukan mesti berlandaskan acuan budaya Melayu supaya kesinambungan kebudayaan dan adat

istiadat dapat dipertahankan dan diwarisi.

Selain album, STFN juga dalam proses untuk mengadaptasi Opera Ayu Cendana ke filem dengan kerjasama pelakon dan pengarah, Erma Fatimah, yang pembikinannya dijangka menelan belanja RM1.5 juta.

Fauziah ketika ditemui menjelaskan beliau sudah bertemu dengan pegawai Suruhanjaya Filem Singapura dalam usaha STFN mencari biayai bagi merealisasikan hasrat berkenaan.

"Suruhanjaya Filem Singapura (SFS) nampaknya tidak keberatan untuk menerbitkan filem secara usaha sama dengan produser dari rantau Asean dalam usaha mereka mempertahankan industri perfileman.

"Operasi SFS mengambil model dari Perancis dan mereka turut menyediakan dana sekalipun untuk filem pendek yang diusahakan oleh pelajar sekolah dengan menyediakan peruntukan sebanyak S\$5,000," ujarinya.

Sekiranya SFS yakin filem yang dikemukakan kepada mereka mempunyai potensi maka suruhanjaya berkenaan bersedia membiayai suku atau setengah daripada peruntukan yang diperlukan.

Fauziah yakin SFS akan membantunya memandangkan skrip Opera Ayu Cendana menampilkan persoalan semasa berhubung cabaran yang dihadapi masyarakat Melayu dalam usaha mempertahankan jati diri bangsa.

Ini ditambah pula dengan sikap terbuka SFS yang hanya mengenakan syarat supaya menggunakan lima tenaga kerja dari Singapura untuk terbabit sama dalam proses pembikinan filem itu.

"Tiada syarat bahasa yang dikenakan selain mereka tidak memaksa produser filem untuk mengambil bakat dari Singapura sekiranya SFS menyediakan dana. Mereka sedar Malaysia mempunyai ramai tokoh berketrampilan dalam bidang ini," jelasnya.

Selain SFS, Fauziah juga sudah mengadakan perbincangan dengan Astro, Perbadanan kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Metrowealth, penerbit filem Syukur 21, bagi membiaya Opera Ayu Cendana secara bersama.

"Saya akan cuba menggunakan khidmat pelakon teater Opera Ayu Cendana untuk filem itu kerana mereka sudah menghayati skrip ini sejak sekian lama dan pengorbanan mereka selama ini amat saya hargai," ujarinya.

(END)